

TARIKH	27 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	Setempat

312 jemaah selamat tiba

MAKKAH: Kumpulan pertama seramai 312 jemaah haji Malaysia selamat tiba di kota suci Makkah dari Madinah awal pagi kelmarin.

Mereka tiba kira-kira jam 1 pagi kelmarin (7 pagi waktu Malaysia) di hote Janadiriyyah yang juga satu daripada 15 hotel di Makkah yang disewa Tabung Haji bagi menempatkan hampir 28,000 jemaah haji Malaysia sepanjang musim haji kali ini.

Menurut Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman, kumpulan pertama itu bertolak dari Madinah dengan bas pada jam 5 petang Selasa (11 malam waktu Malaysia) dan selamat tiba di Makkah selepas mengharungi perjalanan selama lapan jam.

Beliau berkata, selepas berehat dan bersarapan pagi, jemaah haji berpakaian ihram kemudian menuju ke Masjidil Haram diketuai seorang mutawif. - Bernama